

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PERASMIAN PAMERAN HASIL KRAF ORANG-ORANG CACAT DAN KOPERASI  
INDUSTRI KAMPUNG  
Lokasi : INFOKRAF, JALAN HISHAMUDDIN, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 27-06-1990

Dif-Dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu wa Ta'ala di atas limpah perkenanNya dapat hadir di majlis ini.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia kerana menjemput saya ke majlis ini dan seterusnya untuk melihat sendiri akan perkembangan pergerakan koperasi- koperasi serta juga penglibatan persatuan orang-orang cacat dalam pengeluaran barang-barang kraf ini.

3. Gerakan koperasi di negara ini telah banyak menunjukkan kemajuan terutama sekali dalam menyatu-padukan tenaga, kepakaran serta kemahiran ahli-ahlinya. Gerakan koperasi telah dengan begitu aktif dan telah banyak memberi faedah kepada ahli-ahlinya dan negara. Tetapi malangnya terdapat satu atau dua gerakan koperasi yang telah melanggar peruntukan undang-undang dan telah menimbulkan masalah yang mencemarkan nama baik gerakan koperasi.

4. Pergerakan koperasi mempraktikkan sistem berkoperasi dengan menggabungkan tenaga, baik manusia ataupun kewangan, bagi tujuan mendapatkan sesuatu yang berbentuk pakatan dan membawa keuntungan yang dapat dikongsi bersama.

Kalau dilihat dalam konteks sosial pula, koperasi telah bergerak dengan sistem bermuafakat. Saya percaya sekiranya pergerakan koperasi dapat dijalankan dengan bijak mengikut landasan dan garis panduan yang ditetapkan, insya-Allah gerakan ini akan memberi faedah kepada masyarakat umum.

5. Dengan cara ini tenaga ahli-ahli koperasi dapat disatu dan digabungkan bagi mengeluarkan ataupun memasarkan barang-barang secara teratur dan memberi keuntungan yang lebih berbanding dengan usaha-usaha yang dilakukan secara persendirian. Dengan perkataan lain, dengan cara collective atau bersepakat, kuasa persaingan adalah lebih terjamin daripada pengeluaran secara perseorangan.

6. Saya percaya sekiranya gerakan koperasi serupa ini dapat digerakkan ke seluruh negara terutama di kampung- kampung, maka koperasi ini dapat menyumbang ke arah mewujudkan satu industri kraftangan yang lebih tersusun dan kukuh.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

7. Bagi badan-badan kebajikan dan sukarela seperti Persatuan Orang-orang Cacat dan lain-lain, selain daripada menjaga kepentingan kebajikan ahli-ahli badan, sudah sampai masanya mereka memberi perhatian yang lebih berat kepada usaha-usaha mencari jalan bagaimana untuk meningkatkan taraf ekonomi golongan yang tidak bernasib baik. Saya percaya salah satu caranya ialah dengan menggabungkan tenaga dan usaha orang-orang cacat melalui gerakan koperasi. Dengan cara ini sahajalah orang-orang cacat dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap aktiviti-aktiviti mereka seperti pengeluaran barang-barang yang lebih bermutu dan mempunyai daya persaingan.

8. Saya berasa bangga kerana berpeluang menyaksikan pameran dan melihat sendiri secara lebih dekat barang-barang kraf yang dikeluarkan oleh orang-orang cacat. Saya berharap orang-orang cacat akan terus berusaha untuk mengeluarkan barang-barang kraf dan mengambil lebih banyak perhatian dan minat untuk mengeluarkan lebih banyak lagi barang-barang kraf. Dengan melibatkan diri dalam kegiatan secara intensif ini saya percaya sedikit sebanyak akan menolong meningkatkan lagi taraf ekonomi dan kehidupan mereka. Saya mengucapkan tahniah kepada orang-orang cacat yang telah berusaha

memajukan barang-barang kraf ini. Saya yakin suatu hari nanti barang-barang kraf yang mereka keluarkan akan menjadi terkenal dan mendapat pasaran yang luas di luar negara.

9. Orang-orang cacat bukan sahaja berkemampuan untuk mengeluarkan barang-barang yang bermutu tinggi, bersaing dengan orang-orang yang tidak cacat, bahkan juga boleh berdikari. Kebanyakan daripada mereka adalah berkemahiran dan mampu untuk membuka perniagaan dan mengusahakannya sendiri. Inilah yang kita harapkan untuk melihat orang-orang cacat berdikari.

10. Sepertimana kita semua maklum tahun ini adalah Tahun Melawat Malaysia. Kedatangan para pelancong ke negara ini sedikit sebanyak akan menyediakan pasaran bagi barang-barang kraftangan terutama yang dikeluarkan sendiri oleh orang-orang cacat. Ini merupakan peluang yang baik bagi mereka yang terlibat dalam kegiatan pengeluaran kraf untuk menikmati pulangan yang bertambah.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

11. Akhir sekali saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia kerana usaha menggerakkan ahli-ahli persatuan orang-orang cacat untuk melibatkan diri dalam industri kraftangan. Dengan usaha dan galakan yang diberikan kepada orang-orang cacat ini akan menggiatkan lagi perkembangan industri kraf di negara kita.

12. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Pameran Hasil Kraf Orang-Orang Cacat dan Koperasi Industri Kampung ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.